

# RM1.2 bilion untuk Negeri Sembilan

Anwar (tengah) bersama Ahmad Zahid (kiri) dan Aminuddin ketika hadir Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani di Wisma Majlis Bandaraya Seremban (MBS) pada Ahad.



Perdana Menteri umum peruntukan pembangunan sosioekonomi bagi rakyat di negeri itu

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI SEREMBAN

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan keseluruhan bagi pembangunan sosioekonomi di Negeri Sembilan berjumlah RM1.2 bilion.

Beliau berkata, ia termasuk penambahan peruntukan pembangunan negeri itu berjumlah hampir RM1 bilion.

"Projek baharu tahun ini di Negeri Sembilan termasuk membina jalan susur tol baharu dari Seremban ke Lingkaran Tengah Seremban dengan kos projek RM600 juta.

"Membina jalan dan jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Bukit Pelandok, Port Dickson dengan Sungai Pelek yang melibatkan kos RM160 juta.

"Pembinaan fasiliti Kementerian Pendidikan dengan kos RM280 juta termasuk

membina semula sekolah daif dan memperkukuhkan pendidikan khas," katanya ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani di Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Selain itu katanya, Kerajaan Perpaduan juga telah menyelesaikan isu tertangguh mengenai Residensi PR1MA Seremban Sentral dan penyerahan 891 unit kepada pembeli yang akan dibuat mulai Jun ini.

Menurutnya, kerajaan juga memperuntukkan RM5.8 juta bagi baik pulih klinik kesihatan yang daif di Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau, Seremban dan Tampin.

"Pembinaan masjid baharu turut mendapat perhatian kerajaan antaranya pembinaan Masjid Terapung Port Dickson, Masjid Kariah Hulu Beranang Seremban dan Masjid Kariah Talang Tengah Kuala Pilah yang berjumlah RM318 juta.

"Jadi keseluruhan pembangunan sosioekonomi saya umumkan RM1 bilion tadi, penambahannya menjadikan keseluruhannya RM1.2 bilion," katanya.



Orang ramai berbilang kaum datang memeriahkan majlis rumah terbuka pada Ahad.



Geral yang disediakan untuk pengunjung Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Sembilan dan Malaysia Madani.

## Sanggup jalan kaki, datang awal hadir Rumah Terbuka Madani

SEREMBAN - Ribuan pengunjung hadir memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani di Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini pada Ahad.

Seawal jam 9 pagi orang ramai yang terdiri daripada pelbagai kaum sudah mula memenuhi pekarangan MBS untuk menikmati juadah yang disediakan.

Lebih 40 gerai makanan pelbagai menu antaranya rendang ayam, lemas, ketupat, apam balik, kuih bakar, cendol, kambing golek, martabak ayam dan mi goreng.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba pada jam 11.30 pagi diiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Seorang pengunjung, A Magaletchumy, 38, berkata, walaupun sesak namun setiap tahun dia akan mengambil peluang datang ke program jamuan raya

Orang ramai tidak melepaskan peluang berkunjung ke Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani.



dianjurkan kerajaan negeri untuk menikmati juadah hari raya.

"Biasalah jamuan hari raya, orang memang ramai. Saya pun berjalan kaki selama 15 minit dari tempat letak kereta.

"Tapi saya tak kisah kerana hari ini saya dapat menikmati pelbagai makanan secara percuma," kata-

nya. Azmir Yunus, 36, pula berkata, seawal jam 10 pagi dia sudah datang ke situ kerana mahu mengelakkan kesesakan.

"Bagi saya majlis sebegini peluang untuk rakyat bertemu dengan pemimpin," katanya yang hadir bersama isteri dan dua anak.

Selain itu, Sharifah Asmidar Ahmad, 28, berkata, dia datang ke situ bersama rakan-rakannya kerana mahu menikmati makanan secara percuma.

"Dapat jugalah tengok Perdana Menteri dari jauh. Ingat nak bergambar dengan beliau, tapi orang terlalu ramai," katanya.



AZMIR



MAGALETCHUMY